

KELAS TALAQQI QIRAAT AL-QURAN BERSANAD



PENGENALAN

Suatu yang tidak boleh disangkalkan, bahawa metod utama dalam menerima dan mengambil al-Quran oleh imam qurra' dan para ulama' adalah dengan jalan talaqqi dan al-musyafahah (membaca secara bersemuka) dan bersandar kepada sanad yang silsilahnya

sampai kepada Rasulullah agar keaslian ilmu terpelihara.

Justeru KIAS INSANI merasakan amat wajar menjadikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) sebagai satu platform kepada masyarakat dalam mendalami ilmu al-Quran secara talaqqi dan musyafahah dengan menawarkan Kelas Talaqqi Qiraat al-Quran Bersanad (KTQA). Ini juga bertepatan dengan kehendak semasa masyarakat kita yang amat memerlukan bimbingan dan intensif daripada pakar yang bersanad dan berwibawa dalam bidang tersebut.

OBJEKTIF

- Mewujudkan pembelajaran dan pengajian al Quran dengan manhaj talaqqi dan musyafahah yang benar iaitu berhadapan dengan guru yang sudah diverifikasi bacaannya.
- Menambah pengetahuan peserta tentang ilmu tajwid dan ilmu Qiraat melalui pembentangan tajwid dan ilmu Qiraat daripada pakar dalam bidang tersebut.
- Melahirkan guru-guru al-Quran yang berkualiti dan berwibawa dan dianugerahkan sanad talaqqi al-Quran bersambung kepada Rasulullah s.a.w.

KANDUNGAN KURSUS

1. Talaqqi:

Peserta akan bertalaqqi al-Quran mengikut juz yang telah ditetapkan sepertimana berikut :

Modul	Juzu'
1	1-5
2	6-10
3	11-15
4	16-20
5	21-25
6	26-30



2. Kelas Tajwid:

Pembentangan kertas kerja berhubung ilmu tajwid bagi riwayat Hafs akan diadakan sebanyak dua kali setiap modul. Semua peserta dikehendaki hadir pada sesi pembentangan tersebut yang akan dijalankan selama 2 jam setiap pembentangan. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan dalam sesi pembentangan tersebut ialah

Modul	Tajuk
1	1. Pengenalan ilmu tajwid 2. Basmallah 3. Hamzah wasal 4. Hamzah Qata' 5. Nun sakinah dan tanwin 6. Mim sakinah
2	1. Makhraj huruf 2. Sifat huruf
3	1. Mad dan qasar
4	1. Waqaf dan ibtida'
5	1. Lahn 2. Takbir 3. Sujud tilawah 4. Perbezaan tariq al-syatibi dan jazari 5. Tafkhim tarqiq

TEMPOH PENGAJIAN

Modul	Tempoh pengajian
1	4 bulan
2	5 bulan
3	4 bulan
4	5 bulan
5	4 bulan
6	5 bulan

TENAGA PENGAJAR

Tenaga pensyarah terdiri daripada pensyarah KIAS dan pensyarah luar. Mereka adalah:

1. Guru Talaqqi:
 - Ustaz Ahmad Faris bin Ahmadul Kamal



- Ustaz Ahmad Mukhlis Bin Mustaffa
- Ustaz Fasihul Hakimi bin Abdullah
- Ustaz Md Saifullah Bin Nik Abdullah
- Ustaz Mohd Rahimi Bin Abdul Rahim
- Ustaz Mohd Taufiq Bin Mohamed
- Ustaz Muhamad Amri Bin Ouma
- Ustaz Muhammad Sharifullah bin Mohamed Yusuf
- Ustaz Norhisyammudin bin Che Yashin
- Ustaz Sumardi Bin Ilias
- Ustaz Muhammad Iskandarruzaman bin Mohd Zulkafli

2. Guru Tajwid:

- Ustaz Dusuki Bin Abdul Rahman
- Ustaz Muhammad Ashraf bin Ab Ghani
- Ustaz Md Saifullah bin Nik Abdullah
- Ustaz Ahmad Faris bin Ahmadul Kamal

WAKTU PENGAJIAN

Kelas akan diadakan sepertimana berikut:

Hari: Jumaat / Sabtu

Slot waktu antara 8.30 pg – 12.30 tgh @ 2.30 – 6.30 ptg

PENILAIAN

Penilaian ke atas penguasaan dan kemahiran peserta dalam membaca al-Quran akan dijalankan setiap selepas 5 bulan KQTA berjalan dengan mengadakan peperiksaan berikut:

- Syafawi (40%)
 - Bertulis (60%)
-

IJAZAH SANAD & SIJIL AKUAN TALAQQI

Sijil akan diberikan mengikut kategori berikut:

- Sijil Akuan Talaqqi Qiraat Al-Quran bagi setiap 10 juz yang dibaca.
- Ijazah Sanad Talaqqi Qiraat al-Quran : Peserta yang khatam pengajian talaqqi Qiraat al-Quran bermula surah al-Fatihah hingga surah al-Nas dengan syarat



tambahan iaitu menduduki ujian syafawi dan bertulis serta memperoleh pencapaian dalam peperiksaan sekurang kurangnya 80% dan ke atas.

- Sijil Akuan Talaqqi Qiraat Al-Quran Surah Al- Fatihah hingga Surah al-Nas : Peserta yang khatam pengajian talaqqi Qiraat al-Quran dan tidak mengambil peperiksaan

YURAN

Bayaran yuran yang dikenakan bagi MODUL (1-5) termasuk nota pengajian ialah RM425.00 setiap modul. Manakala, modul 6 ialah RM375.00.

Bayaran boleh dibuat secara ansuran. Bayaran ansuran pertama ialah RM125.00 perlu dibayar semasa hari pendaftaran.

Sekiranya peserta belum khatam pada modul keenam, bayaran yuran sebagaimana berikut: RM375.00 / 1 modul (4 jam 30 minit) bacaan talaqqi

BORANG PERMOHONAN

https://drive.google.com/file/d/1iFKVx4vx13muZzGCSzpy92maPJs8Taw/view?usp=drive_link